

Ucapan Najib 'mengecewakan', hanya pertahankan diri, kata Dr Mahathir
Malaysian Insider
Dec 16, 2015

Ucapan presiden Umno Datuk Seri Najib Razak pada perhimpunan agung parti baru-baru ini "amat mengecewakan" kerana tertumpu dan terhad kepada mempertahankan dirinya saja, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas perdana menteri dan presiden Umno itu berkata, Najib mendakwa dirinya "gentleman, berjiwa besar, berani, tidak bacul dan tidak akan undur", tetapi dalam ucapannya, beliau tidak menyentuh mengenai perjuangan parti dan kerajaan pimpinannya.

"Juga tidak ada penjelasan berkenaan masalah seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan wang RM2.6 bilion yang terdapat dalam akaunnya di Arab Malaysian Bank yang perwakilan ingin tahu supaya mereka dapat terangkan kepada ahli lain dan orang ramai.

"Ekonomi negara yang merosot, kejatuhan nilai Ringgit dan kesannya terhadap kos sara hidup dan kos import tidak diulas dan tidak ada cadangan bagaimana menangani masalah ini.

"Masalah yang disebabkan oleh cukai barangan dan perkhidmatan (GST) juga tidak disentuh, hanya bagaimana kewangan kerajaan diselamatkan oleh cukai berat yang dibebankan ke atas rakyat ini," katanya dalam posting terbaru di blognya hari ini.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, Najib dalam ucapannya hanya menyentuh dan menegaskan mengenai bantuan timbalan presiden, naib presiden dan ahli parti kepadanya selaku presiden.

Beliau berkata, Najib mentafsirkan "bantuan" yang disebut dalam perlembagaan parti sebagai peranan timbalan dan naib presiden dalam menyokong presiden. – 16 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ucapan-najib-amat-mengecewakan-hanya-pertahankan-diri-kata-dr-mahathir>